

Sedania Innovator perkenal aplikasi ShareShare OTT

Petaling Jaya: Sedania Innovator Berhad (Sedania Innovator) meluaskan perkhidmatan masa berbualnya melalui pengenalan aplikasi mudah alih ShareShare OTT yang membolehkan pelanggan mudah alih pra bayar melakukan tambah nilai, pemindahan dan permintaan kredit masa berbual melalui kredit ShareShare dikenali Heartz.

Perkhidmatan pertama seumpama itu membolehkan pengguna menggunakan teknologi 'Over The Top' (OTT) dalam melakukan transaksi terbabit merentasi pelbagai syarikat telekomunikasi (telco) berbanding kaedah sedia ada di mana ia terhad kepada telco tertentu.

Pengarah Eksekutifnya, Firoz Mohd Noor berkata, pengenalan perkhidmatan terbaru itu dilihat tepat pada masa memandangkan penggunaan data mudah alih yang kian meningkat pada masa ini berbanding kaedah konvensional.

"Khidmat pesanan ringkas (SMS) dilihat masih relevan dalam kalangan pengguna telefon mudah alih di negara ini namun peningkatan penggunaan data in-



FIROZ (dua dari kiri) pada pelancaran ShareShare.

ternet perlu diambil kira bagi memastikan kami bersedia pada masa depan apabila pasaran berubah," katanya pada sidang media selepas pelancaran aplikasi mudah alih ShareShare, semalam.

Sebelum ini, Sedania Innovator memperkenalkan platform Perkongsian Masa Berbual (ATS) melalui kaedah SMS di mana ia mengendalikan kira-kira lima juta transaksi setiap bulan dan 266,000 setiap bulan di Malaysia.

Beliau berkata, pengenalan perkhidmatan terbaru itu diyakini mampu membantu syarikat dalam menangani situasi penggunaan di Malaysia

yang berada pada tahap perlahan sejak pengenalan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada April lalu.

"Kami menjangkakan kadar penggunaan ini akan kembali meningkat pada tahun depan apabila orang ramai menggunakan harga selepas GST sekali gus menjadi tahun baik kepada syarikat secara keseluruhan" katanya.

Dalam perkembangan lain, Sedania Innovator dijangka memanfaatkan kelebihannya apabila memiliki jumlah pelanggan terbesar di Bangladesh berikutan potensi penggabungan antara rakan perniagaannya di sana iaitu Robi Axiata Ltd dan syarikat telekomunikasi India.